



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KES SALAH LAKU SEKSUAL MELIBATKAN REMAJA

PUTRAJAYA, 17 DISEMBER – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius berkenaan tiga (3) kes salah laku seksual melibatkan remaja yang dilaporkan di akhbar tempatan pada hari ini.

1. Kes sumbang mahram melibatkan adik-beradik berumur 13 tahun dan 15 tahun sehingga melahirkan bayi perempuan
2. Kes ceroboh rumah dan rogol kekasih ketika keluarga sedang tidur.
3. Anak pengasuh meliwat anak yang diasuh oleh ibunya.

Pada masa ini, Polis Diraja Malaysia sedang menjalankan siasatan terperinci terhadap ketiga-tiga kes ini. KPWKM menjangkakan bahawa siasatan dan semakan terperinci akan selesai segera bagi membolehkan tindakan perundangan yang bersesuaian dan tepat dapat diambil.

KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan memberi bantuan dan sokongan dalam pelbagai aspek demi kebajikan kanak-kanak merangkumi perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada kanak-kanak dan keluarga.

KPWKM menyarankan agar ibu bapa, penjaga, dan masyarakat supaya lebih memberi keutamaan kepada pengawasan kanak-kanak agar perkara yang tidak diinginkan seperti ini dapat dielakkan. Ibu bapa dan penjaga harus lebih peka dengan pergaulan dan aktiviti anak-anak agar mereka tidak merasa kurang kasih sayang dan tiada halangan untuk mereka berkongsi segala suka dan duka bersama ibu bapa serta keluarga sendiri.

Dalam menangani kes-kes jenayah seksual yang berlaku terhadap kanak-kanak kini, antara cabaran utama yang dihadapi pihak KPWKM adalah untuk mempertingkatkan kesedaran masyarakat bahawa:

- (i) Kanak-kanak dan remaja tanpa mengira lelaki atau perempuan perlu dilengkapi dengan pendidikan seksualiti dan kesedaran mengenai hak kanak-kanak bagi

- mbolehkan mereka mengenal pasti dan melindungi diri daripada tingkah laku seksual yang salah; dan
- (ii) Masyarakat perlu memainkan peranan masing-masing termasuk tampil membuat laporan sekiranya terdapat maklumat tentang kes sebegini melalui Talian Kasih 15999 yang beroperasi selama 24 jam, 7 hari seminggu atau terus kepada pihak berkuasa; dan
 - (iii) Pihak JKM sedang mengenal pasti unit keluarga yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah supaya kanak-kanak di dalam keluarga tersebut dapat dipindahkan ke institusi di bawah JKM; dan
 - (iv) Ibu bapa juga perlu memainkan peranan penting bagi memastikan anak-anak tidak melayari laman web lucah melalui alat komunikasi mereka.

KPWKM telah melaksanakan pelbagai program berkaitan remaja dan kanak-kanak seperti Kafe@Teen, Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI) dan advokasi melalui program Sahabat BIJAK (**Membenteras Indeks Jenayah Terhadap Kanak-Kanak**). Program Sahabat BIJAK ini merupakan salah satu usaha yang diambil oleh Kerajaan dalam aspek keselamatan dan melindungi kanak-kanak daripada sebarang perbuatan penderaan, penganiayaan, pengabaian, keganasan dan eksploitasi terhadap kanak-kanak. Ia juga melibatkan kerjasama agensi kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan. Pada tahun 2019, KPWKM akan memperluaskan program-program ini di kawasan komuniti serta menumpukan kepada kawasan berdasarkan kes-kes sosial yang kerap dilaporkan.

Bagi memastikan perkara seperti ini tidak berlaku lagi, KPWKM akan sentiasa berusaha membuat yang terbaik demi menjaga masa depan remaja di Malaysia. KPWKM juga menyeru semua pihak terutama masyarakat seperti pemimpin masyarakat setempat, jiran tetangga, ibu bapa dan guru berganding bahu membanteras gejala sosial ini.

Disediakan oleh:

Unit Perhubungan Awam
Jabatan Kebajikan Masyarakat
17 Disember 2018